

Dua jam kejar tiga bot nelayan Vietnam ceroboh, curi ikan

UM 23/04/24 m/s 35

PASIR PUTEH: Anggota Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terpaksa mengambil masa dua jam untuk menahan 40 nelayan Vietnam yang menaiki tiga buah bot selepas menceroboh dan mencuri hasil laut negara pada Selasa lalu.

Kesemua nelayan itu ditahan pada jarak 229.6 kilometer (km) dan 250 km dari Kuala Tok Bali menerusi Ops Pagar Laut Fasal 4.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, semasa melakukan rondaan rutin sekitar pukul 3.39 hingga 5.47 petang, pihaknya mengesan tiga bot dalam keadaan mencurigakan di perairan negara.

Menurutnya, pihaknya bertindak mengejar ketiga-tiga bot berkenaan dan berjaya menahan dua jam kemudian.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot pertama mempunyai lima awak-awak termasuk tekong. Bot kedua pula kita menjumpai 15 awak-awak termasuk tekong.

"Sementara bot ketiga, kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.



Kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun."

ERWAN SHAH SOAHDI

Erwan Shah memberitahu, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan 8,700 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 2,900 liter.

Katanya, nilai rampasan kesemua barang termasuk bot dianggarkan berjumlah RM5.4 juta.

"Kesemua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara. Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) (a) kerana gagal memperlihatkan dokumen kebenaran menangkap ikan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan reman di lokap tahanan sementara Maritim Malaysia Tok Bali sehingga siasatan selesai sebelum pendakwaan dilakukan," ujarnya.